



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

SIARAN MEDIA
**PROGRAM LAWATAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI KE
KILANG HWAH YANG AGRO INDUSTRIES SDN BHD**

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah mengadakan lawatan ke Kilang Hwah Yang Agro *Industries* Sdn Bhd, Jalan Kuching Serian, Serian sempena hari kedua program Trek Komoditi 2023 Zon Sarawak anjuran Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Kilang Hwang Yang Agro *Industries* ini merupakan kilang yang memproses dan mengeluarkan *Standard Malaysian Rubber* 10 dan 20 (SMR10 & SMR20). Syarikat ini telah mula beroperasi pada tahun 1999 dan memproses hasil getah seperti getah bekuan (sekerap) dan getah keping dari seluruh kawasan di Sarawak. Hasil keluaran kilang ini dieksport ke negara-negara di rantau Asia terutama di China dan Asia Barat. Syarikat ini merupakan antara 3 kilang utama di Sarawak dengan jumlah pengeluaran dan eksport getah mencapai 7,660.57 metrik tan getah campuran dan 6,075.72 metrik tan SMR20 sehingga Jun 2023.

Syarikat ini beroperasi dengan kekuatan 110 orang pekerja dengan majoriti daripada mereka adalah warga tempatan. Kapasiti pengeluaran kilang ini dicatatkan sebanyak 7-8 metrik tan sejam atau 2,000 metrik tan sebulan bergantung kepada bekalan bahan mentah yang diterima.

Sehingga 23 November 2023, seramai **42,999** orang pekebun kecil memiliki kad Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) di seluruh Sarawak dengan jumlah keluasan **72,151.74 hektar**. Sehingga Ogos 2023, RM658,000 telah dibayar di bawah Insentif Pengeluaran Getah (IPG) pada pekebun kecil getah Sarawak.

Kenaikan harga pengaktifan IPG daripada RM2.70 kepada RM3.00 dengan melibatkan peruntukan RM400 juta yang diluluskan oleh kerajaan pada Pembentangan Bajet 2024 dijangka dapat menggalakkan pengeluaran di peringkat pekebun kecil getah terutamanya di Sarawak.

Selain daripada itu, Penubuhan *Sarawak Rubber industry Board* atau SARIB pada 1 September 2022 oleh Kerajaan Negeri Sarawak akan mendayaupayakan lagi industri dan melengkapi rantaian ekosistem sektor getah di Sarawak terutamanya sektor hiliran.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
26 NOVEMBER 2023

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi